

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
19 MEI 2023**

---

**1. GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN TEMPAT INAP**

**PERSENDIRIAN DI SKIM KEDIAMAN BERTANAH DI PULAU  
PINANG**

Dimaklumkan bahawa kerajaan negeri Pulau Pinang melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 07/2023 pada 8 Mac 2023 dan disahkan pada 15 Mac 2023 telah meluluskan pelaksanaan dan pemakaian Garis Panduan Pengoperasian Tempat Inap Persendirian (TIP), di Skim Kediaman Bertanah Negeri Pulau Pinang berkuatkuasa 1 April 2023. Garis panduan tersebut merupakan satu inisiatif yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi membantu pengusaha-pengusaha inap persendirian di Pulau Pinang mendapatkan lesen perniagaan dan beroperasi secara sah. Tujuan lain penyediaan garis panduan adalah seperti berikut :

- (i) Menjadi rujukan kepada PBT di skim kediaman bertanah bagi mengawal selia serta menguatkuasa undang-undang berkaitan pengoperasian TIP di skim kediaman bertanah Pulau Pinang;

- (ii) Menyediakan satu garis panduan yang lengkap dan seragam terhadap pengoperasian TIP yang sah di Pulau Pinang bagi penyewa, pemilik premis, PBT dan semua pemegang taruh;
- (iii) Menangani isu dan kemaslahatan yang berbangkit berkaitan dengan pengoperasian TIP di Negeri Pulau Pinang;
- (iv) Menjadi pemudahcara dan pengantara di antara pemilik premis dengan penginap TIP di atas isu yang timbul dan seterusnya mengurangkan jumlah aduan daripada penduduk setempat; dan
- (v) Membantu merencanakan ekonomi Negeri Pulau Pinang dalam sektor pelancongan dan ekonomi setempat disamping menambah pendapatan kepada PBT.

Permohonan lesen perniagaan di Seberang Perai boleh dibuat melalui pengisian borang permohonan yang perlu dimuat turun melalui laman sesawang MBSP mulai 25 Mei 2023. Permohonan boleh dikemukakan kepada MBSP mulai 1 Jun 2023 untuk diproses dan dipertimbangkan kelulusan.

Terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pengusaha sebelum mengemukakan permohonan lesen seperti berikut :

1. Skim inap persendirian yang dibenarkan adalah premis komersial dan premis kediaman bertanah sahaja.
2. Bayaran fi pentadbiran sebanyak RM50.00 perlu dijelaskan ketika mengemukakan permohonan lesen.
3. Bayaran fi lesen bagi aktiviti inap persendirian adalah sebanyak RM1,000.00 / inap persendirian untuk tempoh setahun.
4. Setiap inap persendirian hendaklah menjelaskan bayaran fi inap persendirian sebanyak RM 10.00 bagi setiap sewaan inap persendirian.

Bagi mendapatkan perincian yang lebih lanjut berhubung perkara ini, sila dapatkan Garis Panduan Pengoperasian Tempat Inap Persendirian di Skim Bertanah Negeri Pulau Pinang melalui laman sesawang MBSP. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, hubungi *helpdesk* Jabatan Pelesenan di talian 04-5497685 atau emelkan ke [pelesenan@mbsp.gov.my](mailto:pelesenan@mbsp.gov.my).

## **2. MBSP MELARANG PEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG YANG DILULUSKAN**

Pada 18 Mei 2023, terdapat 5 Orang Kena Saman (OKS) iaitu terdiri daripada satu pemilik syarikat pemilikan tunggal, pemunya tanah yang terdiri daripada sebuah syarikat yang terdiri daripada dua (2) orang Pengarah dan seorang individu sebagai pemilik tanah telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Butterworth, Pulau Pinang atas satu pertuduhan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

OKS - OKS telah dituduh di bawah seksyen 19(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan boleh dihukum di bawah seksyen 26(1) (b) Akta yang sama iaitu menjalankan perubahan material iaitu premis kediaman ditukar menjadi premis perniagaan yang menjalankan aktiviti kedai runcit di Taman Nagasari di mana hukuman denda diperuntukkan tidak melebihi RM500,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya dan berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang berterusan, denda tambahan sehingga RM5,000.00 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Oleh yang demikian, Mahkamah telah mensabitkan pertuduhan kepada OKS-OKS sebanyak RM 54,000.00.

MBSP dengan ini mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai agar sentiasa mematuhi undang-undang dan tidak sewenang-wenangnya menukar guna premis kediaman berlainan dengan fungsi kediaman tersebut. Turut dinasihatkan agar kita semua mematuhi notis-notis yang telah dikeluarkan oleh MBSP.

### **3. OPERATION : CROW SHARPSHOOTER (OPS CROSS) MBSP 2023**

Dimaklumkan Operasi *Crow Sharpshooter* (OPS CROSS) MBSP 2023 telah dijalankan pada 4 Februari 2023 dan 6 Mei 2023 di seluruh Seberang Perai. Sebanyak 15 lokasi *hotspot* telah dipilih yang melibatkan seramai 15 orang penembak berlesen bagi OPS Cross Mini 2023.

Secara keseluruhan Edisi OPS CROSS Mini 1 2023, sebanyak 1,331 ekor gagak telah berjaya dilupuskan, Edisi OPS CROSS

Mini 2 2023 sebanyak 2,723 ekor burung gagak telah berjaya dilupuskan.

OPS CROSS Mega (Open) yang terbuka kepada 78 orang penembak berlesen yang akan dijalankan sebanyak tiga (3) edisi:-

- Seberang Perai Tengah pada 17 Jun 2023
- Seberang Perai Utara pada 15 Julai 2023
- Seberang Perai Selatan pada 19 Ogos 2023

Semoga usaha ini dapat mengurangkan populasi burung gagak di Seberang Perai sehingga menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk.

#### **4. STROK HABA**

Dimaklumkan bahawa seluruh Malaysia mengalami keadaan cuaca panas yang melampau sehingga boleh mengakibatkan strok haba. Strok haba merupakan sesuatu keadaan di mana kondisi suhu badan meningkat secara mendadak akibat pendedahan kepada keadaan persekitaran yang terlalu panas

sehingga menyebabkan badan tidak mampu menstabilkan suhu badan secara normal. Antara simptom-simptom strok haba ;

- i. Badan tidak berpeluh
- ii. Kulit kering dan kemerah-merahan
- iii. Sakit kepala berdenyut-denyut
- iv. Loya dan muntah
- v. Nadi berdenyut laju
- vi. Pitam
- vii. Hilang fokus
- viii. Lidah bengkak
- ix. Tekanan darah rendah
- x. Suhu badan melebihi 39 °C

Dinasihatkan supaya minum air kosong dengan mencukupi dan kurangkan pengambilan minuman berkafein, alkohol dan bergula. Memakai pakaian yang berwarna cerah dan longgar. Elakkan diri berada di kawasan luar pada jangka yang panjang.

## **5. HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI- PERTUAN AGONG**

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang bakal diraikan pada 5 Jun 2023 (Isnin). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Kami mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik dikurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan seisi keluarga.

## **6. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL ADHA**

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua umat Islam yang akan menyambutnya pada 29 Jun 2023 (Khamis). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**